

Pembangkang tiada kekuatan bawa usul undi tidak percaya

Oleh LUQMAN HAZIQ
ABDULLAH dan MOHD.
KHAIRUL ALI

utusannews@mediamulia.com.my

ISKANDAR PUTERI: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembangkang tidak mempunyai kekuatan untuk meneruskan usaha menjatuhkan Kerajaan Persekutuan sedia ada, sebaliknya hanya terus memainkan propaganda untuk menipu penyokong mereka.

Perdana Menteri berkata, ini kerana setelah setahun pentadbiran kerajaan Madani, masih tiada sebarang undi tidak percaya yang dibawa mana-mana ke Parlimen.

Justeru, menurutnya, usaha seperti wujudnya akuan bersumpah (SD) atau 'Langkah Dubai' hanyalah politik cemas dimainkan sebelah pihak.

"Sudah lama kita tunggu (undi tidak percaya), setahun sudah, hari-hari kita tunggu tetapi tiada. Jadi, saya tidak mahu fikir lagi soal itu, saya tidak fikir mereka ada kekuatan untuk bawa (usul undi tidak percaya ke Parlimen).

"Itu tidak lain hanyalah propaganda untuk menipu penyokong dia supaya jangan hilang semangat. Saya berbeza pendapat, tak mampu hilang semangat. Kalau tak boleh cuba bawa perubahan, dia harus bekerja untuk rakyat kerana akhirnya rakyat yang akan pilih" katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dekat sini, semalam.



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan para pekerja Pelabuhan Tanjung Pelepas sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Anggota PTP di Gelang Patah, Johor semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Anwar yang juga Presiden PKR turut menasihatkan kepimpinan parti dalam kerajaan Madani supaya terus memberi fokus terhadap usaha membangunkan negara dan bukan bermain politik.

"Saya nasihatkan jemaah menteri dan pimpinan kerajaan umumnya agar tumpu dan fokus untuk bangunkan negara. Tahun 2024, matlamat kita adalah pembangunan dan keutu-

han ekonomi negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut komited dalam usaha membanteras rasuah dalam kalangan pemimpin dan individu berjawatan.

"Itu urusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), saya tidak mahu orang anggap ini perkara yang kecil, baru atau lama memang tak boleh.

"Orang kalau dia tak salah,

tak perlu rasa bimbang kerana siasatan dibuat dengan teliti dan pendakwaan akan dikemukakan sekiranya ada bukti kukuh.

"Tetapi janganlah sesetengah orang anggap ini soal pihak tertentu dan sebagainya, kerana ini akan beri gambaran seolah-olah ada orang atau jerung-jerung besar terlepas. Saya tidak mahu mula memamerangi rasuah dengan menekan yang di bawah," tegasnya.